

## **PERANAN PENGASUH TASKA DALAM MENDIDIK GENERASI RABBANI DI TASKA: KAJIAN LITERATUR**

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin  
*Pusat Pengajian Teras*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
*norsaadah@kuis.edu.my*

Kamal Azmi binAbdul Rahman  
*Fakulti Pengajian Peradaban Islam,*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.*  
*kamalazmi@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Pendidikan rabbani merupakan perkara asas dalam kehidupan seseorang Muslim. Ini kerana ia merangkumi tiga elemen penting iaitu adanya pegangan kuat berasaskan keyakinan. Kedua, adanya unsur ketundukan yang tulus dalam hati sanubari manusia terhadap apa yang diimaninya dan ketiga, adanya unsur cetusan atau rangsangan dalaman diri individu tersebut untuk menterjemahkan seluruh prinsip keimanannya di alam kenyataan dengan berusaha untuk menyelaraskan seluruh aktiviti hidup harian yang dilaluinya berasaskan nilai-nilai rabbani. Maka objektif penulisan ini dilakukan untuk menjelaskan konsep rabbani yang menekankan kepada peranan pengasuh taska dalam mendidik kanak-kanak dengan sifat rabbaniyyah. Kaedah penulisan ini berbentuk kualitatif berdasarkan kajian-kajian dan penyelidikan yang terdahulu menerusi dokumen, jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan perbincangan mengenai pendidikan rabbani peringkat awal kanak-kanak. Kaedah kepustakaan adalah asas utama dalam penulisan ini yang menganalisis secara induktif dan deduktif menggunakan dalil-dalil al-Quran dan hadis sehingga mencapai satu kesimpulan yang kukuh dalam mengenal komponen pendidikan rabbani. Hasil penulisan mendapati bahawa peranan pengasuh taska sangat penting kerana mereka sebagai penyubur nilai mulia dalam jiwa anak-anak di taska. Sebagai pengasuh mereka perlu menerapkan nilai diri yang holistik merangkumi dari aspek akidah, ibadah dan akhlak serta kemahiran bagi meningkatkan prestasi pendidikan yang rabbani dalam mendidik kanak-kanak asuhan.

**Kata kunci:** pengasuh taska, generasi rabbani, taska, literatur.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pendidikan merupakan suatu aspek yang sangat dititik-beratkan oleh Islam. Ini jelas pada ayat pertama di dalam wahyu yang diturunkan. Kecemerlangan di dalam Islam mempunyai perspektif yang berbeza berbanding di Barat. Individu yang cemerlang adalah individu yang dapat melaksanakan tugasnya sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam iaitu sebagai hamba dan juga sebagai Khalifah Allah SWT (Nurul Izzati bt Nazirmuddin, 2011) (Yaacob bin Yusoff Awang et.al, n.d.). Modul pendidikan rabbani yang dikemukakan oleh Rasulullah SAW melalui hadis dan sunnah merupakan manifestasi daripada kehendak Al-Quran, yang perlu dijadikan penanda aras kepada gerakan pembangunan modal insan yang dihasratkan oleh kerajaan. Unsur pendidikan

rabbani ini telah diterapkan ke semua peringkat umur termasuk dari pengasuhan awal kanak-kanak sehingga peringkat universiti. (Mohamad Syafei Hamzah et.al, 2015)

Hadis Nabi SAW yang merupakan sumber kedua penting selepas al-Quran, mempunyai peranan penting dalam usaha mendidik manusia yang berkualiti, dan memiliki nilai-nilai pembangunan insan yang tinggi. Seluruh gambaran kehidupan, pemikiran, tingkah laku, akhlak Rasulullah SAW secara terperinci telah diriwayatkan oleh para sahabat. Ini ditegaskan oleh Saidatina Aishah, apabila ditanya, bagaimanakah akhlak Rasulullah SAW? Saidatina Aishah menjawab “bahawa akhlak Rasulullah SAW ialah al-Quran”. (Nurul Izzati bt Nazirmuddin, 2011).

Akhlak Rasulullah SAW dalam menawan hati kanak-kanak banyak disebut di dalam hadis seperti kisah Al-Aqra’ bin Habis al-Tamimi yang melihat baginda mencium dan memeluk cucunya Hasan bin Ali yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

“Sesungguhnya aku memiliki 10 orang anak, namun aku tidak pernah mencium mereka sekali pun. Maka Rasulullah SAW memandangnya dan bersabda: مَنْ لَا يُرَحِّمَ لَا يُرَحِّمَ “Siapa yang tidak mengasihi maka dia tidak akan dikasihi” (Riwayat al-Bukhari, no. 6013).

Hakikatnya, penerapan pendidikan rabbani kepada anak-anak adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa. Nilai rabbani yang ibu bapa terapkan sejak dari kandungan sehinggalah anak itu lahir. Namun, dengan cabaran dunia hari ini, ibu bapa yang bekerja terpaksa menyerahkan sebahagian tanggungjawab pendidikan anak-anak kepada pihak ketiga iaitu pengasuh.

Oleh demikian, Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) memikul tanggungjawab yang besar dalam mengasuh, melayan dan menjaga kanak-kanak yang masih belum lagi dapat berdikari. Di samping itu, pengisian yang dapat disediakan oleh institusi-institusi TASKA menjadi perkara yang selalu difikirkan oleh ibu bapa kerana institusi-institusi ini akan memberi implikasi yang besar bukan sahaja terhadap perkembangan bahkan corak kehidupan anak-anaknya sewaktu besar nanti. (Kamarulzaman Kamarudin et.al, 2003)

Pendidikan Awal kanak-kanak pada masa kini, memberi penekanan kepada kepelbagaian kanak-kanak, amalan bersesuaian perkembangan, perhatian kepada kanak-kanak berkeperluan khas di samping keperluan memenuhi standard pencapaian seperti yang digariskan oleh kurikulum PERMATA. (Panduan Kualiti Permata Q, n.d.). Dalam kajian (Norulhuda Sarnon et.al, 2017), pengasuh taska ibarat ibu kedua bagi kanak-kanak asuhan dan didikannya memberi kesan yang besar kepada perkembangan awal kanak-kanak. Ini menunjukkan pentingnya untuk melihat siapa pengasuh kepada anak-anak terutama semasa meninggalkan mereka di taska sama ada pengasuh tersebut terlatih, berakhlak dan mempunyai kelayakan sebagai pengasuh kanak-kanak ataupun tidak.

## **KONSEP PENDIDIKAN RABBANI**

Menurut penulisan buku dari Sidek Baba (2006) konsep rabbani memberi makna yang amat luas. Perkataan ini diambil dari perkataan Arab. Kata dasarnya ialah rab, kemudian dikembangkan rangkai katanya menjadi Rabbana, Rabbuna, Rabbaniyyun, Rububiyyah dan lain-lain. Kata-kata di atas merujuk kepada tuhan yang Maha Esa. Allah SWT puncak kepada segala sesuatu. Dia yang mencipta mentadbir dan berkuasa ke atas seluruh makhluk ciptaanNya di langit dan bumi. Konsep Rab bermula dengan keyakinan terhadap adanya Pencipta. Logik akal manusia sentiasa bergelut dengan pemikiran bahawa tidak mungkin manusia dan makhluk terjadi dengan sendiri. Tidak mungkin alam ini bergerak dengan sendiri, tidak mungkin sumber-sumber dalam alam tercipta dengan sendiri.

Faktor rabbani ini yang memberi landasan akidah pencipta dengan makhluk. Apabila hubungan ini teguh apa saja pertimbangan manusia sama ada niat, kata-kata, perbuatan dan tingkah laku sentiasa mengambil pertimbangan Rab sebagai faktor utama. Tidak ada suatu pun yang terlepas dari pengetahuan Rabnya. Nyawa, rezeki, umur, kesihatan, akal, rahmah dan nikmat semuanya datang daripada Allah SWT. Manusia hanya perlu bersyukur dan menggunakannya sebaik mungkin supaya tidak terputus hubungan rabbannya (Baba, 2006).

Jelas menunjukkan sistem pendidikan yang rabbani menekankan kepada aspek pembangunan insan. Pembangunan insan bermaksud manusia dibangunkan dengan sifat-sifat kemanusiaan sesuai dengan fitrah kejadiannya. Setiap manusia dijadikan dengan komposisi yang sama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Keempat-empat elemen tersebut mestilah dibangunkan secara bersepadu. Pengabaian terhadap salah satu dari aspek di atas akan menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam masyarakat. Pembangunan jasmani memerlukan individu yang memiliki tubuh badan yang sihat, cergas, dan aktif. Pembangunan emosi pula perlu memiliki emosi yang seimbang dan stabil. Pembangunan rohani pula wujudnya hubungan yang baik dengan Allah SWT dan juga sesama manusia. Manakala pembangunan intelek adalah wujudnya individu yang memiliki kecerdikan, kecerdasan dan kewarasan akal (Yaacob bin Yusoff Awang et.al, n.d.).

Pembangunan insan di taska, pengasuh menjadi *role model* dalam memupuk tingkah laku positif dengan menerapkan nilai akidah, ibadah dan akhlak kepada kanak-kanak. Sebagai contoh bercakap dengan sopan, berkelakuan baik dan beradab, memberi pujian, ganjaran yang bersesuaian dengan situasi. Contohnya kepercayaan kepada Tuhan diterapkan melalui *nature walk* iaitu ketika mengadakan aktiviti mengenal alam di luar persekitaran taska. Pengasuh memberi pengenalan asas kepada benda-benda yang diciptakan oleh Allah dan benda yang dicipta oleh manusia. Semut, daun, pokok, ulat bulu, awan, burung adalah ciptaan Allah. Manakala contoh ciptaan manusia pula seperti kereta, jalan raya, taman permainan dan sebagainya. Nilai akidah juga dapat diterapkan dalam amalan seperti aktiviti *circle time*, berdoa sebelum dan selepas makan, sebelum dan selepas tidur dan bersyukur. Hasil bimbingan pengasuh dilihat apabila mereka bercakap dengan kanak-kanak dengan sopan, berkelakuan baik dan beradab, mengucapkan salam kepada kanak-kanak, ibu bapa dan tetamu, mengucapkan terima kasih apabila diberikan sesuatu bantuan atau memohon kemaafan jika melakukan kesilapan. Melalui penerapan ini, kanak-kanak akan suka membantu, bekerjasama, memujuk kawan, bertolak ansur dan meminta izin daripada pengasuh jika ingin keluar, bertanya atau bercakap (Panduan Kualiti Permata Q, n.d.).

Perkara ini telah terbukti apabila penurunan al-Quran yang bersifat tauhidik telah menekankan pendekatan dari aspek akidah sebagai dasar yang terpenting dalam pembinaan komuniti Islam pada peringkat permulaan. Manusia di dalam kerangka tauhid diberikan kuasa memilih dalam menentukan corak kehidupan mereka sebagaimana firman Allah dalam surah al-Shams 91:8-10

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا

Maksudnya: Serta mengilhamkannya untuk mengenal jalan yang membawanya kepada kejahatan dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih dengan iman dan amal kebajikan, dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya dengan sebab kekotoran maksiat.

(al- Shams 91:8-10)

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat pendekatan konseptual “Teori Ekologi Perkembangan Individu,” Bronfenbrenner (1979) memperlihatkan bahawa kanak-kanak sentiasa mengalami proses perkembangan dengan menerima pengaruh daripada persekitaran melalui sokongan dan hubungan yang pelbagai daripada keluarga, komuniti dan institusi sosial yang lebih luas. Menurutnya lagi berdasarkan bukti yang kukuh daripada pelbagai kajian telah menunjukkan sejumlah besar aspek luaran individu (persekitaran) seperti keluarga, komuniti dan institusi sosial cukup kuat mempengaruhi setiap tahap perkembangan manusia (Bronfenbrenner 1979).

Merujuk kepada permasalahan kajian, konsep pendidikan di taska tidak hanya aktiviti yang tertumpu kepada memperoleh pengetahuan dari aspek kognitif semata-mata dan aktiviti bermain tetapi juga aktiviti yang paling utama adalah pembentukan dan pembinaan akidah dan akhlak iaitu aspek afektif dan psikomotor. Manusia memperoleh pengetahuan, idea-idea akhlak dan sifat-sifat terpuji melalui pengajaran dan pendidikan. Cara memperolehnya adalah melalui interaksi langsung dan praktikal harian seperti meniru secara langsung watak dan tindakan guru-guru yang mengajar (Na'mi, 1994).

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1996) dalam penulisannya yang terkenal iaitu *Tarbiyyah al-Aulād fī al-Islām* (Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam) menjelaskan tanggungjawab terbesar bagi para pengasuh terdiri daripada tujuh iaitu tanggungjawab pendidikan Iman, tanggungjawab pendidikan akhlak (Moral), tanggungjawab pendidikan fizik, tanggungjawab pendidikan intelektual, tanggungjawab pendidikan psikologi, tanggungjawab pendidikan sosial dan tanggungjawab pendidikan seksual. Syarat untuk seorang pendidik pula (1) menguasai ilmu agama dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian; (2) memiliki sifat keperibadian yang terpuji seperti ikhlas, takwa, lemah-lembut dan bertanggungjawab dengan amanah yang digalas; (3) menjadi contoh tauladan kepada para muridnya; (4) berusaha membentuk persekitaran yang dilingkupi nilai-nilai Islam agar para murid terkesan dengannya; (5) melazimi kata-kata yang sopan dan apabila ingin memanggil murid, guru perlulah menggunakan nama panggilan yang sopan dan disukai murid; (6) mempunyai kemahiran bercerita dan bijak mengupas *i'tibar* daripadanya. Setiap kata nasihat yang disampaikan oleh murabbi perlulah disokong dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis Nabi SAW agar nasihat tersebut terpahat di hati para murid; (7) memantau muridnya dari aspek iman, akhlak, akal/ ilmu, jasmani, emosi, sosial dan rohani; (8) berkemahiran dalam menyampaikan pengajaran berdasarkan kaedah yang bersesuaian dengan isi kandungan pengajaran dan kemampuan murid; dan (9) bijaksana dalam mengenakan hukuman kepada murid (Noornajihan Jaafar et al, 2015)(Nor Fauzian Binti Kassim, Fauziah Hanim binti Abdul Jalal, 2015).

Oleh itu, pendidikan awal kanak-kanak di taska melalui kurikulum PERMATA Negara untuk membantu perkembangan potensi kanak-kanak secara holistik ke arah melahirkan pembangunan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Che' Rozaniza Azizan et.al, 2016). Kurikulum ini dibentuk oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diintegrasikan dengan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Antara komponen pembelajaran tersebut ialah Bahasa dan Komunikasi, Pendidikan Kerohanian dan Moral, Perkembangan Kognitif, Perkembangan Sosioemosi, Perkembangan Fizikal serta Kreativiti dan Estetika.

Penekanan diberikan kepada amalan bersesuaian dengan tahap perkembangan, kebolehan dan keunikan individu kanak-kanak. Ini merupakan suatu pendekatan yang sangat baik dan selaras dengan amalan pendidikan awal yang berkualiti yang dilaksanakan di seluruh dunia. Hasil kajian Che' Rozaniza Azizan et. al (2016) menyatakan walaupun pelbagai program dan latihan yang telah dilaksanakan untuk menghasilkan pengasuh taska yang berakhlak dan bersahsiah tinggi,

masih terdapat etika dan akhlak pengasuh taska di tahap kurang memuaskan. Sebagai contoh peningkatan pada kes-kes penderaan yang turut melibatkan kanak-kanak di taska (Salleh, 2018).

Manakala (Norulhuda Sarnon et.al, 2017) dalam penulisannya mendapati sekurang-kurangnya 2/3 daripada 220 taska berdaftar mengabaikan aspek keselamatan. Antara perkara yang telah diabaikan termasuklah tempat tidur kanak-kanak, skrin tingkap, permukaan taman permainan (playground) serta barang-barang lain tidak selamat untuk digunakan. Selain itu dalam penulisannya juga menyatakan 13 aspek peraturan, tujuh kategori tidak dipatuhi oleh taska berdaftar. Apabila kualiti adalah kurang daripada standard yang ditetapkan, maka kanak-kanak berisiko untuk mendapat jangkitan penyakit, kecederaan dan penjagaan yang tidak sepatutnya. Oleh sebab demikian, kajian (Foong L.,et.al, 2018) dan Rohaty (2013) menyatakan masih terdapat jurang dalam kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia yang perlu dikaji dan diperbaiki.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan dari kajian-kajian lepas lebih tertumpu pada aspek kemahiran perkembangan, keselamatan dan kesihatan kanak-kanak. Namun masih belum meluas kajian mengenai peranan pengasuh TASKA dalam mendidik generasi rabbani.

Menurut kitab *Jāmi'u al-Bayān fi Ta`wili al-Qur`ān* karangan imam Al-Ṭhabarī (Al-Ṭhabarī, 1992) syarat untuk menjadi pendidik yang rabbani perlu memenuhi lima perkara, iaitu

1. Bersifat *a'lim* dan *muthaqqaf* ( berilmu dan berwawasan)  
Pengasuh taska perlu meningkatkan ilmu dari satu peringkat ke satu peringkat sama ada pendidikan formal atau tidak formal.
2. Bersifat *faqih*  
Pengasuh bukan sahaja belajar untuk mengetahui sesuatu bidang ilmu, tetapi perlu faham dan mampu menilai sesuatu di sebalik yang zahir.
3. *Al-Basirah bi al-siyasah*  
iaitu mampu menguasai ilmu pendidikan awal kanak-kanak sehingga menjadikan setiap aktiviti yang dijalankan sebagai satu ibadah.
4. *Al-Basirah bi al-Tadbir*  
Pengasuh yang rabbani juga mempunyai ketajaman dalam urus tadbir pentadbiran.
5. *Al-Qiam bi Rai'iyah li maslahati dunnya wal akhirah*  
Berkemahiran dalam urusan dunia dan akhirat.

Pendidikan rabbani merupakan satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia (penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama yang diamanahkan bagi meningkatkan kemakmuran bagi manusia dan alam seluruhnya, mempunyai asas atau ciri-ciri penting di antaranya: “*Manusia sebagai sebaik-baik ciptaan Allah.*” (Surah at-Tin ayat 4, dan Sajadah ayat 7) “*Manusia sebagai khalifah*” (al-Baqarah ayat 30), “*Manusia diberi kelebihan dan kekuatan ilmu*” (al Baqarah:33), “*Manusia makhluk yang dimuliakan Allah dengan segala kemudahan bagi mentadbir dan mengurus alam*” (al-Isra: 70), “*Manusia di lengkapkan dengan pendengaran, penglihatan dan perasaan (af-idah) bagi menjalani kehidupan di dunia ini*” (As-Sajadah :7) “*Manusia perlu menjadikan dirinya sebagai hamba Allah dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diterimanya*” (Az-Zariat:56). (Nurul Izzati bt Nazirmuddin, 2011)

## PENUTUP

Justeru, perbincangan peranan pengasuh taska perlu diberi penekanan yang holistik. Mereka bukan sahaja berkemahiran dalam mengurus bidang asuhan kanak-kanak, malah perlu dititikberatkan

juga berkaitan nilai yang diterapkan dalam jiwa kanak-kanak. Pendidikan generasi rabbani perlu memiliki kemantapan ilmu dan takwa, kekuatan daripada segi pertimbangan akal, jati diri, integriti dalam tanggungjawab dan berakhlak tinggi. Ini kerana dengan mengenal kebesaran Allah dapat membantu meningkatkan kecerdasan emosi yang lebih tenang, mampu memotivasikan diri dan mampu membina hubungan yang baik dengan orang lain (Al-Ghazali, t.th)

## **RUJUKAN**

- Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Pimpinan Al-Rahman.  
Abdullah Nasih 'Alwan. 1968. *Tarbiyyah Al-Awlad Fi Al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.  
Al-Ghazali Abu Hamid. t.th. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: al-Masyad.  
(n.d.). Retrieved from Panduan kualiti Permata Q.  
Al-Ṭhabarī, A. J. (1992). *Jāmi' u al-Bayān fī Ta'wīli al-Qur`ān* . Beirut: Daarul Kitab.  
Baba, S. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.  
Kamarul Zaman bin Kamaruddin, Muhammad Nadzir bin Ibrahim et.al. (2003). *Kajian Ke Atas Pelaksanaan Taska Di Malaysia: Implikasi Terhadap Polisi Dan Program Yang Disediakan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
Nor Fauzian Binti Kassim, Fauziah Hanim binti Abdul Jalal. (2015). *Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dan Modul Pendidikan Akhlak : Isu Dan Cabaran Masa Kini*. Seminar Penyelidikan Kebangsaan. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
Noornajihan Jaafar et al. (2015). *Model Kualiti Guru Pendidikan Islam sebagai Murabbi Menurut Sarjana Islam*. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 101-108.  
Nurul Izzati bt Nazirmuddin. (2011). *Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis Dari Perspektif Al-Hadis*. In *SUNNAH NABI, Realiti dan cabaran Semasa* (pp. 1-14). Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Malaya .  
Yaacob bin Yusoff Awang et.al. (n.d.). *Keperluan Kependidikan Islam Dalam Pengajian Ketamadunan*. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/1883/1/41.pdf>